

BAB KE LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Secara keseluruhannya kajian ini dapat di simpulkan bahawa tasybih adalah satu gaya bahasa yang menarik, indah di dengar mudah difahami, eksplisit, tepat, jelas dan ringkas serta dapat menepati apa yang dimaksudkan walaupun kadang-kadang menusuk perasaan dan menyakitkan . Tujuan dan hasrat disampaikan dengan membuat perumpamaan dan bandingan, namun kenyataan itu mestilah benar dan sesuai dengan sasaran. Tasybih bukan sahaja terdapat di dalam bahasa Arab malahan terdapat juga dalam bahasa lain seperti bahasa Melayu.

5.1 Keistimewaan Tasybih

Tasybih atau perumpamaan iaitu satu ikatan dua keadaan yang ada hubungkaitnya. Tasybih adalah satu aspek balaghah yang dikira sebagai keistimewaan bahasa al-Qur'an.. Tasybih dalam al-Qur'an tersusun berdasarkan struktur di luar kemampuan manusia. Sekiranya dilihat dari susunan perkataan dan cantuman rangkaiannya, seolah-olah ia digubal sekali gus tanpa ada sebarang perbezaan antara seluruh bahagiannya, . Susunan itu terjalin dalam satu ikatan ayat-ayat yang indah yang melahirkan satu sifat yang unggul iaitu keistimewaan dan keluarbiasaan bahasa al-Qur'an. Pada keseluruhan ungkapan dan susunan ayat-ayat tasybih itu adalah untuk menyatakan perbandingan dan perumpamaan. Sesungguhnya tasybih atau bandingan itu juga untuk menjelaskan perkara

yang tidak diketahui dengan nyata, dan tidak perlu difikirkan, kerana telah jelas maksudnya, melalui tasybih yang diungkapkan.

Bahasa adalah anugerah Allah S.W.T. terhadap makhlukNya; ianya merupakan keperluan asas yang paling utama kepada manusia; berbanding makanan, pakaian dan kediaman. Kerana untuk mendapatkan makanan, pakaian dan kediaman memerlukan bantuan dan pertolongan atau kerjasama orang lain; dan alat komunikasi yang dapat menghubungkan antara manusia dengan manusia itu ialah bahasa. Bahasa menjadi alat komunikasi yang pertama. Dengan bahasa seseorang boleh berintraksi dan berkomunikasi dengan orang lain. Dan ini menunjukkan bahasa adalah perkara yang paling penting dalam kehidupan manusia atau makhluk lain..

Penguasaan bahasa yang baik dapat membantu seseorang dan boleh dijadikan sebagai modal untuk mencapai kejayaan dalam apa bidang sekali pun. Sebagai contoh peniaga yang berbahasa dengan baik mudah memasarkan barangan walaupun mutu barangannya kurang baik, berbanding dengan peniaga yang mempunyai barangan yang bermutu tetapi bahasanya kurang baik sukar untuk meyakinkan pengguna.

Tasybih adalah salah satu daripada komponen bahasa, iaitu merupakan gaya bahasa dalam bahasa Arab. Kelembutan dan kehalusan bahasa Arab adalah kesan daripada pengaruh dan sumbangan bahasa al-Qur'an yang banyak menggunakan balaghah. Balaghah, menggunakan kata-kata atau ungkapan yang dipilih dengan teliti, khusus dan sesuai, dan selaras dengan keadaan kejiwaan sipenerima kata-kata tersebut. Seorang ahli balaghah mestilah mempunyai idea yang benar dan jelas, mempunyai nilai keindahan dan kekuatan yang boleh melahirkan daya cipta juga berperasaan halus. Penggunaan

balaghah di dalam al-Qur'an menyebabkan bahasa al-Qur'an itu semakin indah dan dapat melahirkan minat seseorang untuk membaca dan mengkaji bahasa al-Qur'an itu dan seterusnya dapat menambahkan penghayatan terhadap al-Qur'an. Lantaran itu, penulis sandarkan kajian dalam bidang bahasa ini, kepada al-Qur'an sebagai subjek kajian ini.

Antara keistimewaan tasybih seperti berikut :-

1. Ungkapan tasybih mudah disebut dan indah didengar.
2. Dapat difahami maksud yang tersirat.
3. Mudah diingat dan senang dihafal.
4. Jelas dan ringkas
5. Terdapat bandingan sama dengan bahasa-bahasa lain contohnya:
Hati keras atau keras hati sama seperti batu, terdapat dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab.
6. Keindahan tasybih boleh menambahkan minat untuk membaca al-Qur'an dan mengetahui perumpamaan-perumpamaan dalam surah-surah al-Qur'an.
7. Menambah keinginan seseorang untuk mengetahui bandingan-bandingan yang Allah S.W.T. buat terhadap makhlukNya
8. Rasa gerun apabila Allah S.W.T., tasybihkan balasan terhadap perbuatan yang buruk dan keji.
9. Gerun untuk menghadapi hukuman Allah S.W.T., setelah mengetahui dan memahami tasybih yang Allah S.W.T., nyatakan terhadap mereka yang derhaka.

10. Gembira menunaikan perintah Allah S.W.T., setelah mengetahui ganjaran daripada Allah S.W.T., seperti yang Allah S.W.T., nyatakan dalam tasybih yang indah dan menawan.
11. Takut melanggar perintah Allah S.W.T., kerana patuh dan takutkan balasan seperti yang dinyatakan dalam al-Qur'an dan ditasybihkan dengan perkara yang menyusuk jiwa dan menggerunkan perasaan.

5,2 Rumusan

Kajian tentang “Tasybih Dalam Surah Al-Baqarah Satu Analisis Balaghah” memfokuskan kepada dua subjek utama: Pertama tasybih; kedua surah al-Baqarah.

Disamping subjek utama ini, dimasukkan juga perkara-perkara yang menjurus ke arah tajuk kajian ini, bagi mendapatkan gambaran yang jelas dan menyeluruh, maka disentuh juga secara lansung tentang balaghah, kerana pengalisan tasybih berdasarkan aspek-aspek balaghah. Dan tasybih adalah sebahagian daripada balaghah. Dan oleh kerana perbincangan tasybih berkaitan dengan bahasa, maka pelbagai definisi bahasa mengikut sarjana-sarjana dalam bidang bahasa juga dimasukkan dalam kajian ini.

Fokus pertama kajian ialah perbincangan tentang tasybih, dalam perbincangan ini penulis senaraikan beberapa definisi tasybih mengikut pandangan dan pendapat pakar bahasa yang mahir dalam bidang balaghah. Perkara-perkara yang berhubung kait dengan tasybih juga turut dibincangkan, seperti unsur-unsur atau rukun-rukun tasybih, kedudukan tasybih dalam bahasa Arab, bahagian-bahagian tasybih, perbandingan antara tasybih dalam bahasa Arab dengan gaya bahasa dalam bahasa Melayu, beserta dengan contoh-contoh yang berkaitan. Perbincangan dan kajian tentang tasybih ini berdasarkan rujukan daripada

kitab-kitab berbahasa Arab dan bahasa Melayu yang dikarang oleh mereka yang pakar dan mahir dalam bidang tersebut.

Fokus kedua tentang surah al-Baqarah. Dalam perbincangan tentang surah al-Baqarah penulis berusaha menjelaskan perkara-perkara berikut, iaitu pengenalan kepada surah al-Baqarah menerusi ayat-ayat yang terkandung di dalam surah tersebut, isi kandungan keseluruhan ayat-ayatnya, kesah-kesah yang membawa kepada nama panggilannya, kemudian barulah difokuskan terus kepada ayat-ayat dari surah al-Baqarah yang mengandungi tasybih. Perbincangan tentang perkara-perkara tersebut di atas adalah berdasarkan rujukan kepada al-Qur'an dan kitab-kitab tafsir dalam bahasa Arab dan dalam bahasa Melayu karangan ulamak yang berautoriti.

Tasybih dalam surah al-Baqarah satu analisis balaghah ini, mengklasifikasikan ungkapan tasybih, dalam surah al-Baqarah, menurut pembahagian yang telah dinyatakan oleh ahli tafsir dan pakar-pakar bahasa, tafsiran secara detil hanya dibuat untuk ayat dalam surah al-Baqarah yang mengandungi tasybih sahaja. Walau bagaimana pun penulis masukkan juga beberapa ayat dari surah yang lain untuk penjelasan dan ulasan.

Oleh kerana kajian ini bersandarkan ayat-ayat al-Qur'an, kalam suci itu, maka penulis sentiasa merujuk dan berpandukan tafsir-tafsir dan karangan ulamak yang muktabar dalam mengkategorikan dan menganalisis tasybih tersebut.

Seterusnya melihat mutu dan nilai tasybih dalam surah al-Baqarah yang membawa kesan kepada ketepatan maksud, kesan kepada pendengar dan pembaca, kajian tentang perkara ini juga berdasarkan pandangan dan kajian oleh sarjana Islam. Dengan memahami

ungkapan tasybih yang dibuat oleh Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah itu juga boleh menimbulkan rasa keinsafan, kegerunan dan kegembiraan. Dan seterusnya dapat melahirkan nilai-nilai berhati-hati, taqwa, benar, tulus, ikhlas, kasihkan Allah S.W.T., taat kepada perintah Allah S.W.T., tabah, sabar, bersyukur, patuh kepada perintah Allah S.W.T., nilai kebersihan dan kesejahteraan, baik hati, jujur, pemurah dan nilai amanah, disamping kesan kepada keindahan bahasa.

Kajian ini mendapati hanya lima belas ayat dari surah al-Baqarah yang mengandungi tasybih, manakala ungkapan-ungkapan yang berbentuk tasybih di dalam surah al-Baqarah, sebanyak enam belas tasybih, kerana ayat 171 mengandungi dua tasybih. Enam belas susunan kata atau ungkapan yang bergaya bahasa tasybih di dalam surah al-Baqarah itu, dapat dikategorikan ke dalam bahagian-bahagian tasybih berikut :

- a) tiga tasybih *Baligh*, iaitu dalam ayat 18, 171 dan 222.
- b) satu tasybih *Maqlub*, iaitu dalam ayat 275
- c) tujuh tasybih *Mursal Mujmal*, iaitu dalam ayat 74, 165, 171, 183, 200, 219, dan 261.
- d) empat tasybih *Tamthil*, iaitu dalam ayat 17, 19, 264 dan 265.
- e) satu tasybih *Mursal Mufassal*, iaitu dalam ayat 146.

Analisis ayat-ayat tasybih tersebut adalah mengikut urutan yang terdapat dalam surah al-Baqarah. Ayat-ayatnya : 17, 18, 19, 74, 146, 165, 171, 183, 200, 219, 222, 261, 264, 265, 275.

Dalam penulisan ini juga penulis paparkan dalam bentuk peta minda, melalui jadual, untuk memudahkan dan lebih jelas lagi tentang kajian ini. Terdapat keseluruhannya lapan jadual sebagai ringkasan daripada dapatan kajian ini.

5.3 Cadangan Penyelesaian

Pelbagai usaha boleh dilakukan bagi memudahkan lagi untuk memahami dan menghayati bahasa al-Qur'an dan isi kandungannya. Aspek retorik atau balaghah dalam bahasa Arab masih lagi kurang dibincangkan sama ada secara 'ilmiah atau dalam konteks sosial lebih lagi dalam perbualan harian. Kesukaran memahami makna kata yang berlapis dan bahasa yang berkias dalam sesuatu ungkapan memang rumit, ianya memerlukan kemahiran yang khusus, minat yang mendalam, keinginan yang kuat dan pengetahuan yang luas hanya ahli bahasa yang mampu menjelaskannya secara terperinci. Lebih rumit lagi, bagi mereka yang tidak ada asas dalam pendidikan, berhubung dengan bahasa Arab atau bahasa al-Quran itu. Walau bagaimana sukar sekali pun ianya masih ada banyak cara dan usaha yang patut dilakukan demi untuk memartabatkan bahasa Arab, bahasa al-Qur'an, kalam suci.

Bagi rakyat Malaysia yang menjadikan Islam sebagai agama resmi bagi negara ini dan al-Qu'an sebagai panduan dan perlembagaan hidup mereka, sudah sewajarnya kandungan al-Qur'an itu penting difahami. Pertama fahami dahulu bahasa Arab dengan struktur nahunya kemudian baharulah mudah untuk memahami dan melihat keindahan bahasanya melalui ilmu balaghah. Setelah menjalankan kajian ini, penulis dapat merasakan masih perlu lagi usaha dan cara untuk memahami dan mempertingkatkan lagi pengetahuan bahasa Arab, untuk semua lapisan masyarakat, khususnya yang beragama

Islam. Penulis kemukakan beberapa cadangan, boleh cuba praktikan untuk meningkatkan lagi kefahaman tentang bahasa Arab, balaghah bahasa Arab dan seterusnya agar dapat memahami dan menghayati bahasa al-Qur 'an.

5.3.1 Cadangan Kepada Organisasi Kerajaan

i) Karikulum : Kepada pihak yang bertanggung jawab tentang kurikulum bahasa Arab, masukkan tajuk balaghah ke dalam sukatan pelajaran bahasa Arab bermula dari peringkat sekolah rendah, sama ada sekolah bantuan kerajaan atau swasta. Tajuk-tajuk yang dipilih hendaklah bersesuaian dengan tahap kemampuan murid-murid dan bersesuaian juga dengan persekitaran mereka semuga mudah diterima dan dapat difahami dengan mudah; agar pelajar-pelajar terbiasa dengan ungkapan-ungkapan yang berbentuk balaghah.

ii) Beri masa yang khusus untuk balaghah bahasa Arab dalam jadual waktu pengajaran bahasa Arab dengan menambah masa dalam jadual waktu..

iii) Beri lebih latihan atau kursus kepada guru-guru bahasa Arab khususnya dalam bidang balaghah, untuk lebih memantapkan lagi pengetahuan mereka dalam bidang balaghah.

iv) Tambahkan tenaga pengajar bahasa Arab, yang mempunyai kemahiran khususnya kemahiran dalam bidang balaghah Arab

v) Adakan program pertukaran pelajar dengan negara-negara Islam yang

menjadikan bahasa Arab, sebagai bahasa resmi negara tersebut.

5.3.2 Cadangan Kepada Tenaga Pengajar

- i) Guru hendaklah mencari jalan untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan dengan mencuba beberapa teknik dan kaedah yang sesuai dengan tahap murid disamping bahan bantu mengajar yang menarik, yang dapat menimbulkan minat pelajar dan membantu memudahkan penyampaian, menjadikan murid-murid seronok dan berminat dengan pelajaran bahasa Arab.
- ii) Guru hendaklah memberi peluang dan mewujudkan peluang supaya murid-murid dapat menguasai dan berminat belajar dan bercakap dalam bahasa Arab, walaupun dimulai dengan satu atau dua perkataan .
- iii) Guru hendaklah memberi nasihat, merangsang dan memotivasikan murid-murid agar mereka menyukai dan meminati bahasa Arab.
- iv) Guru hendaklah berusaha mencari, memilih dan menyediakan bahan-bahan bacaan bahasa Arab yang mengandungi ungkapan balaghah, mulai dengan yang mudah, yang sesuai dengan suasana dan tahap pembelajaran pelajar-pelajar.
- v) Aplikasi penggunaan bahasa Arab di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah, sama ada intraksi antara guru, murid, atau murid sesama murid.

- vi) Wujudkan suasana dan situasi menggalakkan bertutur di dalam bahasa Arab dengan mengadakan hari bahasa Arab, minggu bahasa Arab atau bulan bahasa Arab atau sebagainya.
- vii) Guru bahasa Arab dan guru mata pelajaran lain yang boleh berbahasa Arab perlu mempraktikkan, bertutur dalam bahasa Arab; sama ada di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah.
- viii) Sediakan teks berbentuk skrip atau lirik lagu berbahasa Arab yang sesuai dengan kurikulum dan tahap pencapaian murid atau pelajar, minta mereka baca dan hafaz, mungkin boleh dijadikan set induksi setiap kali intraksi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

5.3.3 Cadangan Kepada Ibu Bapa

- i) Ibu bapa hendaklah membantu anak-anak mempelajari bahasa Arab dan memastikan anak-anak melaksanakan kerja sekolah khususnya mata pelajaran bahasa Arab.
- ii) Beri anak-anak lebih peluang dan pendedahan dalam menguasai bahasa Arab dengan menyediakan atau membelikan buku-buku bahasa Arab, buku cerita dalam bahasa Arab, pita-pita rakaman, dalam bentuk keset, CD, dan sebagainya yang berbahasa Arab.

- iii) Ibu bapa boleh menampalkan carta-carta perkataan di bilik tidur anak-anak atau di mana-mana yang sesuai. Perkataan-perkataan yang sentiasa digunakan seharian, dalam bahasa Arab. Contoh panggilan terhadap anggota keluarga, alat-alat kelengkapan sekolah, perkakas rumah, anggota badan, makanan, minuman dan lain-lain.
- iv) Beri kesedaran kepada anak-anak supaya berusaha dan berminat mempelajari bahasa Arab kerana bahasa Arab adalah bahasa al-Qur'an dan bahasa Syurga.
- v) Galakkan anak-anak membaca al-Qur'an setiap lepas solat, dan membaca tafsir untuk memahami mesej al-Qur'an.
- vi) Galakkan anak-anak menghafaz ayat-ayat al-Qur'an, doa-doa, hadith-hadith Rasulullah S.A.W. dengan memahami maknanya.

5.3.4 Cadangan Kepada Masyarakat

- i) Ambil peluang untuk mempelajari bahasa Arab, sama ada dengan mengikuti kelas-kelas yang wujud di surau atau masjid atau menerusi siaran di radio atau televisyen.
- ii) Biasakan membaca al-Qur'an dan mencari makna dan maksud ayat-ayat al-Qur'an tersebut menerusi kitab-kitab tafsir.

- iii) Fahami makna bacaan-bacaan dalam solat, niat berwuduk, dan ibadah khusus yang lain.
- iv) Tampilkan doa-doa dalam bahasa Arab di tempat-tempat yang sesuai di rumah, contohnya; di bilik tidur, di dapur, di ruang makan, di pintu tandas, dan di mana-mana yang sesuai.
- vii) Hafaz ayat-ayat al-Qur'an dan maknanya, dari surah-surah pendek yang mudah dan biasa didengar; contoh ayat-ayat lazim dalam juz Amma atau surah-surah yang biasa diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. seperti surah Ya:sii:n. surah Al-Mulk, surah Sajdah, surah al-Baqarah, surah al-Wa:qiah dan lain-lain

5.3.5 Cadangan Kepada Pusat Pengajian Tinggi

- i) Wajibkan ambil kertas bahasa Arab dalam jurusan pendidikan Islam.
- ii) Pastikan kuliah-kuliah dalam bidang agama sepenuhnya menggunakan bahasa Arab
- iii) Galakkan pelajar-pelajar menulis artikel, atau cerpen atau skrip dalam bahasa Arab.
- iv) Perbanyakkan bahan-bahan rujukan khususnya dalam bidang balaghah bahasa Arab.

- v) Wujudkan usaha untuk memperbanyakkan media massa sama ada bahan berbentuk eletronik atau bukan eletronik yang berbahasa Arab seperti akhbar-akhbar, risalah-risalah, majalah-majalah, novel, cerita-cerita dalam bentuk CD, pita rakaman dan sebagainya.
- vi) Perbanyakkan terjemahan kitab-kitab, karangan ulamak yang *muktabar* (berautoriti) yang masih banyak lagi belum di terjemahkan ke dalam bahasa Melayu.
- vii) Galakkan penuntut-penuntut secara berterusan sama ada melalui persatuan atau pihak institusi sendiri mengadakan majlis diskusi dalam bahasa Arab membincangkan tajuk-tajuk semasa mengenai Islam atau lain-lain.

5.3.6 Cadangan Kepada Penyelidik lain

- i). Kajian selanjutnya diharapkan dapat mengkaji tasybih dalam surah-surah lain dalam al-Qur'an.
- ii) Diharapkan juga ada kajian selanjutnya mengumpulkan dan mengkaji tasybih dalam hadith Rasulullah S.A.W.
- iii) Dicadangkan kajian tasybih terhadap kata-kata hikmah dan syair-syair gubahan tokoh bahasa atau penyair yang termasyhur.
- iv). Kajian perbandingan antara tasybih dalam bahasa Arab dengan tasybih

(gaya bahasa) dalam bahasa-bahasa lain dari segi persamaan dan perbezaannya.

- v). Kajian tentang aspek-aspek atau bahagian-bahagian lain dalam balaghah yang belum dilakukan atau kurang diketengahkan.

5.4 Penutup

Tasybih adalah satu aspek dari balaghah Balaghah dalam bahasa Arab atau retorik adalah satu bahagian dari kajian bahasa Arab yang masih kurang diminati, kemungkinan perbincangan tajuk-tajuk di bawah bidang balaghah ini agak sukar difahami. Oleh kerana itu jarang di ketengahkan sama ada dalam diskusi atau forum tentang bahasa.

Perbincangan tentang balaghah ini hanya di kalangan ahli bahasa yang memang betul-betul meminati dan pakar dalam bidang tersebut. Namun begitu ungkapan-ungkapan yang berbentuk bala:ghag sering kita temui di dalam ayat-ayat al-Qur'an. Oleh kerana kurang pengetahuan tentang ilmu balaghah, maka kefahaman dan penghayatan terhadap mesej suci dan kudus dari Allah S.W.T. itu juga kurang difahami dengan jelas dan terperinci. Lantaran itu sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan dan menambah lagi fahaman dan penghayatan umat Islam terhadap firman Allah S.W.T. itu; maka perlulah ada antara umat Islam, khususnya yang berkemampuan dan berilmu pengetahuan yang telah menceburi bidang bahasa ini, seperti di institusi pengajian tinggi; supaya berusaha untuk memudahkan perkara yang dianggap susah ini dengan memperbanyakkan kajian dan karangan berhubung dengan balaghah bahasa Arab.

Di dalam kajian yang singkat ini penulis hanya sempat mengemukakan kajian tentang satu dari bahagian dalam persoalan bahasa Arab iaitu tentang tasybih. Dan kajian ini sengaja penulis sandarkan kepada ayat-ayat al-Qur'an, (surah al-Baqarah). Kerana al-Qur'an, berbahasa Arab, dan al-Qur'an ialah kalam atau kata-kata Allah S.W.T. Tuhan seluruh alam. Sebagai makhluk yang beriman kepada Allah S.W.T. pasti kita ingin mengetahui dan memahami segala perintah dan risalah dari pencipta kita itu. Al-Qur'an juga sebagai mukjizat yang ulung kepada nabi Muhammad S.A.W., dan al-Qur'an itu juga sebagai perlembagaan hidup umat Islam, di dalamnya terkandung segala peraturan dan tatacara kehidupan yang paling baik dan paling sesuai untuk segala peringkat kehidupan dan sesuai untuk sebarang masa dan tempat. Bahasa al-Qur'an sangat syumul dan mantap.

Al-Qur'an kitab suci, membacanya diberi ganjaran pahala oleh Allah S.W.T., oleh kerana itu hamba Allah yang beriman sering mempelajari bacaan al-Qur'an dan sering membacanya. Dan percaya kepada Kitab adalah salah satu daripada Rukun Iman; dan al-Qur'an adalah salah satu dari Kitab yang wajib dipercayai dan diketahui. Dan yang paling penting sekali sebagai pengkaji bahasa, bahawa bahasa al-Qur'an tersangat indah dan cantik.

Ungkapan tasybih satu cabang dari kajian balaghah bahasa Arab. Tasybih banyak terdapat di dalam ayat-ayat al-Qur'an. Sebagai satu usaha untuk memudahkan para penganut Islam memahami dan menghayati bahasa al-Qur'an, dan seterusnya dapat mematuhi segala ajaran dan panduan yang terkadungan di dalamnya. Disamping itu dapat pula merasai keluarbiasaan bahasa al-Qur'an. Satu cara untuk memudahkan yang

sukar, menambahkan yang kurang dan menjelaskan yang kabur Maka teretuslah hasrat penulis kajian ini menjadikannya kenyataan.

Tasybih gaya bahasa yang terdapat dalam al-Qur'an, hadis, kata-kata hikmat, syair dan ada juga digunakan dalam percakapan harian, tujuannya untuk mencantikan bahasa yang diungkapkan, indah didengar dan dapat menolong manusia untuk memahami maksud sebenar yang dikehendakki walaupun disampaikan melalui bahasa secara sopan. Dan tasybih juga terdapat di dalam gaya bahasa dalam bahasa Melayu yang bersamaan dengan perumpamaan, personifikasi, perbandingan, simile, metafora, hiperbola dan paradoks.

Akhirnya dengan kajian ini penulis mengharapkan ianya menjadi satu bahan dan idea positif kepada pelajar, pendidik, dan umat Islam seluruhnya demi untuk memberikan fahaman tentang satu bahagian dari balaghah Arab dan seterusnya diaplikasikan kepada kefahaman dan penghayata bahasa Al-Quran..